

## Siaran Akhbar

### **REDTONE BAKAL MENJADI PENYEDIA TERBESAR PLATFORM AWAN (CLOUD) B2B DI MALAYSIA**

*Syarikat akan melancarkan flexiCloud sebagai perkhidmatan terbaharu bernilai tambah*

**Kuala Lumpur, Selasa (1 Mac 2016)** – Penyedia telekomunikasi berintegrasi REDtone International Berhad (REDtone) bakal melancarkan Platform Awan (*cloud*) yang terbesar dalam negara untuk perniagaan ke perniagaan (B2B) berikutan pelancaran *flexiCloud*. *flexiCloud* adalah perkhidmatan nilai tambah terurus REDtone yang terbaharu.

Dilabelkan sebagai 'penyelesaian awan perniagaan ke perniagaan generasi baharu', REDtone *flexiCloud* menawarkan penyelesaian komprehensif, berskala, fleksibel dan kos efektif kepada perniagaan untuk menyelaraskan infrastruktur IT mereka dengan strategi perniagaan agar lebih efisien, selamat, tanpa perbelanjaan modal yang banyak atau sifar perbelanjaan modal.

*flexiCloud* ini dibangunkan khusus untuk golongan SME dan pelanggan perniagaan dan menawarkan syarikat berpusat di Malaysia peluang memiliki perkhidmatan awan yang dihoskan di negara ini berbanding negara jiran.

Termasuk dalam penyelesaian *flexiCloud* ialah:

*flexiCompute* (Virtual Private Cloud): menawarkan infrastruktur tersedia syarikat yang mampu membina, mengurus dan mengawal sumber perkomputeran dalam satu infrastruktur awan peribadi.

*flexiBackup*: menyediakan sistem sandaran yang mudah dan efisien serta pemulihan data dan maklumat.

*flexiDR*: menawarkan cara yang kos efektif dan fleksibel untuk pemulihan.

*flexiPaaS*: menawarkan platform sebagai perkhidmatan.

*flexiSaaS*: menawarkan perisian sebagai perkhidmatan.

Pada taklimat media hari ini berkenaan perkhidmatan *flexiCloud*, REDtone mengumumkan jalinan strategik dengan Huawei Technologies untuk perkhidmatan infrastruktur awan. Huawei kini mengendalikan operasi lima pusat R&D perkomputeran awan di Shenzhen, Xian dan Hangzhou di China, Munich di Germany dan Lembah Silikon di USA, dengan lebih 1,000 jurutera perkomputeran awan bekerja di lokasi tersebut.

Dalam Perjanjian Perkongsian Strategik ini, Huawei akan menyediakan perkhidmatan yang ringkas namun mampu berkembang bagi membolehkan REDtone menaik taraf dengan pantas tanpa mengenakan kos perkhidmatan yang tinggi untuk penyelesaian *flexCompute*, *flexBackup* dan *flexDR*. Huawei juga membawa bersama pengetahuan teknikal dan amalan terbaik untuk melengkapkan kepakaran REDtone di Malaysia.

"Komitmen Huawei untuk menaik taraf infrastruktur awan REDtone tanpa had secara berterusan akan membolehkan REDtone berkembang menjadi penyedia platform awan terbesar di negara ini," kata Andy Yau, Ketua Eksekutif REDtone Data Centre Sdn Bhd pada taklimat media.

Beliau menambah dengan *flexCloud*, ia lebih baik berbanding memiliki IT (informasi teknologi) kerana ia berasaskan pada permintaan. "Dengan kata lain, tiada perbelanjaan modal ataupun yang minimal sahaja oleh pelanggan dan mereka hanya perlu membayar apabila menggunakan perkhidmatan tersebut," katanya.

Sementara itu, Naib Presiden Penyelesaian dan Pemasaran Huawei Pasifik Selatan Liu DongFang berkata: "Sebagai rakan teknologi dengan pengalaman global, Huawei percaya perkomputeran awan (Cloud Computing) akan berperanan penting dalam transformasi industri IT & telekomunikasi, dan kami bersedia untuk menyokong REDtone mendapat faedah dalam cabaran ini. Kerjasama ini adalah satu langkah penting bagi penyelesaian Huawei Cloud di industri ICT Malaysia."

REDtone juga akan bekerjasama dengan empat syarikat perisian dan perkhidmatan yang memiliki pengalaman luas dan rekod prestasi untuk melaksanakan penyelesaian *flexCloud Platform-Sebagai-Perkhidmatan (flexPaas)* dan Perisian-Sebagai-Perkhidmatan (*flexSaaS*). Fusionex akan menyediakan platform pengurusan dan penyelesaian data, Kingslake platform pembangunan perisian berasaskan awan, dan Lambda penyelesaian pusat kontak *flexSaaS* manakala Cloud Raxak menyediakan perkhidmatan perisian Pematuhan Audit *flexSaaS*.

Keempat-empat jalinan ini menandakan permulaan pelan jangka panjang REDtone untuk membangunkan ekosistem enterprise dan menyediakan penyelesaian aplikasi bertaraf tinggi serta mengembang keupayaan penyelesaian awan B2Bnya kepada pelanggan perniagaan di Malaysia dan serantau.

Satu majlis tandatangan telah diadakan diantara REDtone Data Centre Sdn Bhd dengan lima syarikat tersebut. Mewakili REDtone Data Centre adalah Pengarahnya Lau Bik Soon dan Andy Yau. Menandatangani Perjanjian Perkongsian Strategik bagi pihak Huawei adalah Liu Dongfang dan Ketua Bahagian IT, Pejabat Perwakilan Malaysia Jimmy Jin.

Mengenai Memorandum Perjanjian (*Memorandum of Agreement*) yang ditandatangani dengan baki empat syarikat, Fusionex diwakili oleh Nicholas Tan Pengurus Kanan, Pembangunan Penyelesaian, Kingslake oleh Pengerusi Kumpulan Kingslake Dr S Dharmavasan manakala menandatangani bagi pihak Lambda adalah Pengarah Urusannya Tan Say Min manakala Naib Presiden Jualan Asia Pasifik Lalit Mohanty mewakili Cloud Raxak.

Turut hadir pada majlis ialah Pengarah Urusan REDtone Dato' Wei Chuan Beng dan Ketua Pegawai Eksekutif Multimedia Development Corporation Dato' Yasmin Mahmood.

Kategori perkhidmatan nilai tambah terus adalah satu daripada tiga perniagaan teras REDtone. Perkhidmatan lain yang ditawarkan dalam kategori ini ialah perkhidmatan pusat data, penyelesaian penjagaan kesihatan dan Internet of Things (IoT).

### **Mengenai REDtone International Berhad**

REDtone International Berhad adalah syarikat subsidiari Berjaya Corporation Berhad. Ia tersenarai di Bursa Malaysia. Sebagai penyedia penyelesaian telekomunikasi berintegrasi, perkhidmatan REDtone disasarkan kepada pasaran yang kecil. Sebuah jenama tempatan yang dihormati sejak penubuhannya pada 1996, REDtone telah berubah kepada penyedia perkhidmatan suara kepada syarikat yang memberikan pelbagai perkhidmatan pada tiga kategori: (i) **perkhidmatan telekomunikasi** – ia menyediakan perkhidmatan suara dan data kepada kerajaan, perusahaan awam dan SME. REDtone adalah satu-satunya penyedia perkhidmatan yang memberi kepakaran integrasi infrastruktur. Capaiannya terhadap teknologi pada peringkat komuniti turut membolehkannya menyediakan perkhidmatan jalur lebar atas permintaan. (ii) **perkhidmatan rangkaian telekomunikasi terus** – ini termasuk membangunkan, menyelia dan menjalankan operasi skala besar hotspot WiFi, stesen utama dan infrastruktur fiber. (iii) **perkhidmatan nilai tambah terus** – ia menawarkan perkhidmatan pusat data, Internet of Things (IoT), perkhidmatan awan dan aplikasi serta penyelesaian kesihatan kepada syarikat, kerajaan dan industri kesihatan. Selain Malaysia, REDtone beroperasi di Shanghai, China dibawah REDtone Asia Inc, sebuah syarikat yang tersenarai di OTC Bulletin Board US. Perniagaan utamanya ialah perkhidmatan panggilan kadar murah dan tambah nilai.

Komitmen REDtone dalam R&D telah menghasilkan inovasi teknologi yang berjaya memenangi lebih 22 anugerah di Malaysia dan luar negara bagi syarikat berstatus Multimedia Super Corridor (MSC) ini. Ia kini mempunyai lapan paten yang menunggu kelulusan untuk teknologinya. Untuk maklumat lanjut, layari [www.redtone.com](http://www.redtone.com)

Dikeluarkan oleh: NexusPR Sdn Bhd

Bagi pihak: REDtone International Bhd

Untuk maklumat lanjut, hubungi BG Tay di: (03) 7725 1908 or 012-202 5898;

email: [bg5898@gmail.com](mailto:bg5898@gmail.com)